

05/07/1999

Penganjur diminta beri maklumat tepat

KUALA LUMPUR, Ahad - Penganjur Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro-pelancongan 1999 (Maha '99) diminta memberi maklumat lebih lengkap mengenai acara itu bagi mengelak kekeliruan orang ramai.

Malah, kira-kira 500 orang yang mengunjungi Stadium Putra, Bukit Jalil di sini, untuk menyaksikan pameran itu hampa kerana stadium berkenaan kosong.

"Baru semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan Maha '99, tetapi hari ini stadium kosong saja," kata Wan Adli Wan Ngah, 40, ketika ditemui di situ petang ini.

Katanya, beliau diberitahu satu pameran pertanian sedang berlangsung di Stadium Putra ketika mengunjungi Perarakan Flora dan Jualan Buah-Buahan Tempatan pada pagi ini.

Sementara itu, Karnival Flora yang diadakan tidak jauh dari stadium itu sempena Maha '99 pula kebanyakannya menempatkan gerai yang tidak berkaitan langsung dengan hasil pertanian.

Sebaliknya, peniaga di situ menjual cakera padat video (VCD), permainan video, pembuka tin, pisau dapur pelbagai guna, pakaian dalam wanita, set bilik tidur dan kenderaan mewah, sedangkan kain promosi Maha '99 digantung di hampir setiap tiang lampu di kawasan sekitar.

Alish Norhayati Sham, 30, yang datang dari Bandung, Indonesia, untuk menyaksikan serta mempelajari kemajuan pertanian yang dicapai Malaysia kecewa dengan apa yang dilihatnya di situ.

"Kalau setakat orang menjual pisau, di Indonesia pun ada," katanya.

Hanya beberapa peniaga menjual hasil pertanian dan gerai berkenaan menjadi tumpuan pengunjung.

Pengurus Besar Asiatic Green Tech Sdn Bhd, Hodaka Watanabe, berkata orang ramai tidak henti-henti mengunjungi gerainya dan membeli pelbagai bunga orkid.

"Sambutan amat baik, mereka begitu meminati bunga orkid," katanya yang ternyata gembira kerana kurangnya pesaing dalam karnival flora itu.

Gerai buah-buahan termasuk kelapa muda turut menjadi tumpuan walaupun harga yang ditawarkan tidak banyak berbeza dengan harga biasa.

(END)